

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian ini menerusi Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) begitu perihatin terhadap keperluan pembangunan infrastruktur di kawasan penempatan masyarakat Orang Asli. Merujuk kepada soalan Yang Berhormat berkaitan perancangan Kementerian untuk membina jalan dan jambatan yang lebih selamat bagi menghala ke kawasan penempatan Orang Asli di kawasan Parlimen Tanjung Malim seperti Pos Tenau, Kampung Senda, kampung Menderang, Kampung Tidong dan Kampung Kejau sememangnya di dalam perancangan dan perhatian pihak JAKOA.

Untuk makluman Yang Berhormat juga isu-isu berkaitan keperluan infrastruktur terutama jalan perhubungan, rumah di bawah Program Bantuan Rumah (PBR) di perkampungan Orang Asli dan sebagainya telah dibentangkan di dalam Makmal Program Transformasi Kerajaan (GTP 2.0) pada 23 April hingga 31 Mei 2012 yang dikelolakan oleh Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU). Pelaksanaan projek-projek di

bawah GTP 2.0 ini bermula pada tahun 2013 hingga 2015.

Selain daripada itu pihak Kerajaan begitu komited untuk menyelesaikan masalah keperluan kemudahan asas di perkampungan Orang Asli meliputi penyediaan halan perhubungan, kemudahan bekalan elektrik, rumah PBR dan bekalan air bersih. Justeru itu, pihak Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri telah menyalurkan peruntukan khusus kepada masyarakat Orang Asli bagi menangani masalah tersebut di mana sebanyak RM102.1 juta pada tahun 2013 dan RM141.6 juta pada tahun 2014. Pelaksanaan projek-projek ini adalah bermula pada tahun 2013 dan pada penghujung tahun 2017, Kementerian ini mensasarkan keseluruhan perkampungan Orang Asli di Semenanjung Malaysia akan mendapat kemudahan asas yang sempurna.

Bagi jalan-jalan di kawasan Parlimen Tanjung Malim, Kementerian ini menerusi JAKOA telah pun melaksanakan untuk kemudahan penduduk melibatkan Kampung Senda, Kampung Menderang dan Kampung Kejau. Manakala jalan di Pos Tenau dan Kampung Tidong sehingga kini sedang menunggu kelulusan peruntukan untuk dilaksanakan.

Adalah menjadi hasrat pihak Kerajaan untuk melaksanakan lebih banyak lagi projek-projek pembangunan infrastruktur kepada masyarakat Orang Asli bukan sahaja di kawasan Parlimen Tanjong Malim malah di seluruh Semenanjung Malaysia. Menerusi pelaksanaan projek-projek tersebut bukan sahaja dapat meningkatkan kualiti hidup masyarakat Orang Asli malah berupaya meingkatkan taraf hidup mereka menerusi penglibatan aktif di dalam urusan perniagaan hasil-hasil hutan yang bernilai tinggi dengan masyarakat umum. Dalam hal ini pihak Kementerian menerusi JAKOA akan berusaha memastikan matlamat untuk melengkapkan perkampungan Orang Asli dengan kemudahan asas secara menyeluruh akan tercapai menjelang penghujung tahun 2017.